

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN NGA KOR MING  
[ TELUK INTAN ]**

**TARIKH** : **7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah sebenar duit Kerajaan telah dibelanja untuk pembelian vaksin COVID-19 dan bilangan vaksin mengikut jenama vaksin. Senaraikan juga jumlah vaksin yang diderma oleh negara-negara luar kepada negara kita.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Sebanyak 87.9 juta dos vaksin telah ditempah oleh KKM melalui Fasilitas COVAX dan secara rundingan terus dengan beberapa pengeluar vaksin COVID-19 yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM4.64 billion meliputi kos vaksin dan logistik vaksin**. Perincian perolehan vaksin COVID-19 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PENGELUAR</b>	<b>BIL. DOS</b>	<b>LIPUTAN POPULASI</b>
1.	<b>COVAX Facility AstraZeneca</b>	<b>6.4 juta (2 dos/seorang)</b>	<b>10% (3.2 juta penduduk)</b>
2.	<b>Pfizer &amp; BioNTech (BNT162b2)</b>	<b>44.8 juta (2 dos/seorang)</b>	<b>70% (22.4 juta penduduk)</b>

**SOALAN NO : 75**

3.	<b>AstraZeneca /</b> University of Oxford (AZD1222)	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)	<b>10%</b> (3.2 juta penduduk)
4.	<b>Sinovac Biotech</b> Ltd./Pharmaniaga Lifescience Sdn. Bhd. (CoronaVac)	<b>20.4 juta</b> (2 dos/seorang)	<b>31.88%</b> (10.2 juta penduduk)
5.	<b>CanSino</b> Biologics Inc. (AD5- nCOV)	<b>3.5 juta</b> (1 dos/seorang)	<b>10.94%</b> (3.5 juta penduduk)
6.	<b>Gamaleya</b> (Sputnik V)	<b>6.4 juta</b> (2 dos/seorang)	<b>10%</b> (3.2 juta penduduk)
<b>JUMLAH</b>		<b>87.9 juta dos</b>	<b>142.82%</b> (45.7 juta penduduk)

Nota:

- i) Data dikemaskini hingga 13 September 2021.
- ii) Gamaleya – Tertakluk kepada kelulusan pendaftaran vaksin yang diterima daripada NPRA dan PBKD.

2. Dalam masa yang sama, Kerajaan Malaysia telah menerima sumbangan vaksin COVID-19 daripada beberapa buah negara seperti pecahan berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGARA</b>	<b>JENIS VAKSIN</b>	<b>JUMLAH DOS</b>	<b>KOS LOGISTIK</b>	<b>TARIKH PENERIM AAN</b>
1.	Jepun	AstraZeneca (AZD1222)	998,400	RM2,307,444.18 (Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.)	1 Julai 2021

**SOALAN NO : 75**

2.	Amerika Syarikat	COMIRNATY® (PFIZER-BIONTECH)	1,000,350	Ditanggung oleh Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.	5 Julai 2021
3.	China	SinoVac (CoronaVac)	500,000	RM2,800,000.00 (Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.)	16 Julai 2021
4.	United Kingdom	AstraZeneca (AZD1222)	415,000	RM659,850.00 (Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd.)	3 Ogos 2021
<b>JUMLAH</b>			<b>2,913,750</b>	<b>RM5,767,294.18</b>	

3. Kerajaan Malaysia turut dijangka menerima sumbangan daripada Kerajaan Singapura dan Arab Saudi yang mana masih dalam peringkat perbincangan seperti berikut:

BIL.	NEGARA	JENIS VAKSIN	JUMLAH DOS
1.	Singapura	COMIRNATY® (PFIZER-BIONTECH)	100,000
2.	Arab Saudi	AstraZeneca (AZD1222)	1,000,000
<b>JUMLAH</b>			<b>1,100,000</b>

Sekian, terima kasih.